AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

KIRA-KIRA 200 penduduk termasuk peniaga dan warga asing yang bekerja di kilang dan tinggal di asrama di sekitar Taman Poket, Batu Maung, Pulau Pinang menjalani saringan Covid-19, semalam. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

869 kes baharu, 6 kematian

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI
utusannews@mediamulia.com

PUTRAJAYA: Kes harian Covid-19 yang dilaporkan semalam kekal tiga angka dengan 869 kes direkodkan menjadikan jumlah kumulatif positif sebanyak 42,050 kes.

Angka kes positif semalam antara lain turut disumbangkan daripada 50 kluster aktif termasuk empat daripadanya kluster baharu iaitu Kluster Liawan, Kluster Tatahan, Kluster GK Tawau dan Kluster Kube.

Negeri Sabah merekodkan 397 kes atau 45.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes manakala sebanyak 258 kes atau 29.7 peratus disumbangkan dari kawasan di Lembah Klang.

Sebanyak 28 kes atau 3.2 peratus pula melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (13 kes), Penjara Kepayan (enam kes), Kluster PTS Tawau (tiga kes) serta masing-masing dua kes dari Kluster Penjara Sandakan, Kluster Rumah Merah dan Kluster GK Tawau.

Terdapat enam kes kematian berkaitan Covid-19 semalam melibatkan empat lelaki dan dua wanita berusia antara 47 hingga 84 tahun, kesemuanya di Sabah.

Kesemua mangsa meninggal dunia di Hospital Semporna, Hospital Duchess of Kent dan Hospital Queen Elizabeth dengan latar belakang pelbagai penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu yang dilaporkan semalam iaitu Kluster Liawan melibatkan daerah Keningau dengan kes indeks individu bergejala dan dimasukkan ke Hospital Keningau seterusnya, 23 kes lagi telah dikenal pasti.

"Kluster Tatahan pula di Kota Kinabalu dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, 17 lagi kes positif dikesan dan telah dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Likas serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Kota Kinabalu.

"Kluster GK Tawau pula dikesan di Tawau iaitu kes indeks saringan bergejala dan kemudian, 48 kes lagi dikesan positif serta dimasukkan ke Hospital Tawau," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Kube dikenal pasti di Kota Bahru dan Tanah Merah, Kelantan dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, sembilan lagi kes positif dikesan serta telah dimasukkan ke Hospital Tumpat dan Hospital Raja Perempuan Zainab II.